



S elamat D atang ke

Majlis Perasmian Pameran Khas

*"DIRGAHAYU TUAN YANG TERUTAMA"*

Disempurnakan oleh:

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah  
Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Bin Haji Mahiruddin  
S.M.N., S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., A.S.D.K., J.P

Pada: 25 Oktober 2011 (Selasa), 10.00 pagi di Kompleks Muzium Sabah

Semua dijemput hadir

## PAMERAN KHAS "*DIRGAHAYU TUAN YANG TERUTAMA*"

Pada setiap tahun bersempena dengan Sambutan Kemerdekaan dan Hari Jadi Rasmi Tuan Yang Terutama, Jabatan Muzium Sabah mengadakan pameran khas yang dimasukkan sebagai sebahagian daripada acara kalender tahunan pelancongan Sabah. Pada tahun 2011 pameran yang bertajuk "*Dirgahayu Tuan Yang Terutama*" dibangunkan khas bagi memaparkan kepada masyarakat peranan institusi Tuan Yang Terutama Yang D-Pertua Negeri Sabah sebagai payung perpaduan dan kesejahteraan rakyat. Pameran ini juga mengisahkan secara ringkas biodata Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Bin Haji Mahiruddin.

Majlis perasmian pameran khas ini akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah pada 25 Oktober 2011, jam 10.00 pagi di perkarangan Bangunan Utama Kompleks Muzium Sabah. Pameran yang diadakan di Marble Hall Muzium Sabah ini akan berlangsung sehingga penghujung Disember 2011.

Pengisian pameran memfokuskan tiga segmen utama iaitu biografi Tuan Yang Terutama, Sabah Tanah Air Ku dan Malaysia Merdeka. Semua segmen ini akan diperagakan dalam bentuk gambar-gambar termasuk juga tayangan mengenai sambutan Hari Malaysia. Dalam masa yang sama, perasmian pembukaan semula galeri-galeri tetap Muzium Sabah yang sedang dinaiktaraf juga akan dilakukan.

Orang ramai yang ingin menyaksikan pameran khas ini bolehlah berkunjung ke Muzium Sabah di Jalan Penampang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Tiket masuk untuk pelancong asing ialah RM15.00 sementara untuk pelawat tempatan RM2.00. Selain itu pameran lain yang boleh disaksikan ialah Galeri Pesta Kaamatan, Galeri Kain, Warna dan Kosmos, Galeri Seramik, dan pameran tulang ikan Paus Brudas yang menjadi salah satu daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri.